

RINGKASAN HARIAN ASIANET - SIARAN-SIARAN AKHBAR PADA KHAMIS, 23 MEI, 2002
AsiaNet- Siaran Akhbar
24 MEI 2002

KEMURUNGAN BIPOLAR

PHILADELPHIA: Data baru yang dikemukakan hari ini di Mesyuarat Tahunan ke-155 Persatuan Psikiatrik AMerika menunjukkan bahawa penggabungan Olanzapine dan Olanzapine/Fluoxetine mungkin memberi jawapan kepada rawatan pesakit-pesakit dengan kemurungan bipolar. Pengeluar produk farmaseutikal, Lilly, berkata ia sedang mengkaji satu ubat baru yang merupakan campuran olanzapine dan fluoxetine, dengan tujuan untuk mengemukakan Aplikasi ubat yang baru kepada Pentadbiran Makanan dan Ubatan Amerika Syarikat.

KONTRAK BARU

SEATTLE: Compass Aerospace Corporation hari ini berkata ia telah dianugerahkan satu kontrak baru oleh syarikat Boeing bagi tempahan yang bernilai lebih daripada \$3 juta dalam masa 5 tahun. Satu siaran akhbar menyatakan bahawa Compass menerima kontrak itu dengan peneraju angkasa seluruh dunia berikutan "keupayaannya yang terbukti dalam menguruskan program-program besar, memulakan inisiatif dan secara berterusan melaksanakan konsep rancangan yang membaiki kos."

KOS PENGENDALIA

LEVERKUSEN: Bayer hari ini mengumumkan hasratnya untuk mengurangkan kos pengendalian operasinya sebanyak EUR\$400 juta dalam usaha untuk "menyelaraskan struktur kos operasi farmaseutikalnya." Menurut Bayer pemotongan yang terbaru akan melibatkan pengurangan kakitangan dengan menjejaskan 1,300 kakitangan Farmaseutikalnya di seluruh dunia.

KEPENTINGAN EKONOMI

TORONTO: Organisasi perkhidmatan kewangan antarabangsa, Sun Life Financial, hari ini mengumumkan bahawa ia akan mengambil alih kepentingan sebanyak 30 peratus (\$860 juta dalam) C.I. Fund Management, sebagai tukaran bagi anak-anak syarikat Mutu Fund. Satu siaran akhbar menyebut bahawa di bawah perjanjian itu, Sun Life Financial akan menerima kira-kira 74 juta unit saham biasa CI.

MEMORANDUM JUALAN

SEOUL: Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyaksikan majlis menandatangani satu Memorandum Persefahaman Jualan (MoU) bagi membekalkan pati Eurycoma Longifolia (Tongkat Ali) yang larut dalam air bernilai RM122 juta kepada Korea, demikian menurut satu siaran media. Malaysia Venture Capital Management Bhd berkata "perjanjian itu akan melihat bekalan pati Tongkat Ali selama lima tahun kepada syarikat pengeluaran makanan dan minuman Korea itu."

LAPORAN HARTANAH

HONG KONG: Vigers, Hong Kong, sebuah syarikat perundingan hartanah antarabangsa, hari ini menafikan pandangan para penganalisis dan pemaaju mengenai harga meningkat bagi kediaman untuk pasaran kediaman besar-besaran. Encik Albert Chan, Pengarah Urusan Vigers, Hong Kong, berkata syarikatnya sebaliknya melihat harga kediaman terus jatuh berikutan kejatuhan berterusan dalam paras gaji dan pengempisan ekonomi yang berlaku sekarang.

KEMPEN PEMASARAN

SANTA ANA: Syarikat perisian Pengurusan Perhubungan Pelanggan, Arbitrel, hari ini mengumumkan mengenai satu jalinan perkongsian dengan SalesLogix dalam usaha untuk meneruskan keupayaan pemasaran bagi pasaran pertengahan. Encik David Bean, naib presiden Program Perkongsian SalesLogix, Interact Commerce, berkata

"e-Kempen Arbitrel adalah satu produk yang unggul bagi para pelanggan SalesLogix yang mahu memperluaskan lagi keupayaan pemasaran dan kempen e-mel mereka."

HASIL PENEMUAN AWAL

CAMBRIDGE: Para penyelidik di Millennium Pharmaceuticals, mengumumkan mengenai hasil penemuan awal ubat yang diuji, MLN341, ke atas beberapa jenis ketumbuhan padat. "MLN341 mungkin merupakan terapi yang memberi harapan cerah untuk pelbagai jenis barah kerana keunikan mekanisme tindakannya, menghalang proteasome, menjejaskan laluan molekul pelbagai yang penting bagi ketahanan pelbagai jenis ketumbuhan yang berbeza," kata Encik Michael Kauffman, naib presiden perubatan bagi Millennium Pharmaceuticals.

BUKU MERAH DALAM TALIAN

AUCKLAND: Buku merah, yang mengandungi banyak maklumat mengenai nilai kenderaan bermotor, kini boleh didapati menerusi langganan browser Internet. Satu siaran media berkata bahawa "semua maklumat yang terkandung dalam versi sebelum ini masih lagi ada, dengan harga baru, harga terpakai (secara borong dan runcit) hinggalah kepada kenderaan sejak tahun 1986.

ANIMASI WEB

MONTREAL: Toon Boom telah melancarkan inoivasi mereka yang terkini, iaitu pengeluaran V2 hasil studio Toon Boom. Satu siaran media menjelaskan bahawa V2 ialah satu produk yang dipertingkatkan daripada produk terdahulu yang menawarkan "penyelesaian dalam animasi 2D bagi web". Sila layari laman web www.toonboom.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

HASIL KEWANGAN

HONG KONG: Pembekal telekomunikasi bersepadu, City Telecom, hari ini berkata bahawa keuntungan yang boleh dibayar kepada pemegang sahamnya meningkat sebanyak HK\$43 juta dalam masa enam bulan. Menurut satu siaran media bahawa hasil itu menunjukkan peningkatan keuntungan sebanyak 600% berbanding dengan tempoh perundingan enam bulan.

DIKELUARKAN OLEH ASIANET

TARIKH SIARAN : 24 MEI, 2002

DIKELUARKAN OLEH BERNAMA PRWIRE MALAYSIA*GLOBAL